- (d) The name and address of each beneficiary or the alphanumeric code or any other code or identifier for such beneficiary; and
- (e) The amount or percentage of each beneficiary's interest in the trust account.

26.3 For the purpose of these Regulations, a trustee who fails to comply with the requirements under item 26.2 but who subsequently submits the required information to the Bank shall be deemed to be opening a new trust account under item 26.2 as at the date of submission of the information.

26.4 Any money withdrawn from an insured deposit is no longer protected by PIDM if transferred to a:

- (a) Deposit account payable outside Malaysia;
- (b) Deposit account held by a financial institution conducting Labuan banking business or Labuan Islamic banking business;
- (c) Deposit account held by a Non-Deposit Taking Member; or
- (d) Non-deposit account (e.g. Unit trust, securities trading account, Lembaga Tabung Haji, ASNB unit trust, gold account, and any other relevant non-deposit accounts).

## **27. DISCLOSURE OF CUSTOMER INFORMATION AND PERSONAL DATA UNDER THE ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013 ("IFSA") AND THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 ("PDPA")**

27.1 The Customer(s) consents and authorizes the Bank to collect, process, disclose, transfer, maintain, store and retain the Customer's personal data to other entities within the BMMB including its branches as well as subsidiaries and other external parties, including but not limited to the parties/bodies listed in clause 27.2 below.

27.2 The Customer(s) also consent and agree to the Bank conducting credit checks and verification of information given by the Customer in my the Customer's application for the Banking Accounts or services with any credit bureaus or corporation set up for the purpose of collecting and providing credit or other information. The Customer(s) also consent to the Bank's disclosure of the Customer's financial condition, details of accounts, account relationship with the Bank including credit balances to:

- (a) Government or regulatory authorities in Malaysia and elsewhere, including Bank Negara Malaysia, Credit Bureau, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;
- (b) companies which are related to the Bank by virtue of Section 7 of the Companies Act 2016, or any associated company of the Bank;
- (c) party(ies) providing services (including outsourcing vendors, lawyers, nominees, custodians, centralised securities depository or registrar, debt collection agents) to the Bank;
- (d) the Bank's agents, consultants and professional advisers;
- (e) the police or any investigating officer conducting any investigation; and
- (f) any person to whom disclosure is permitted or required by any law, regulation, governmental directive or request.

- 27.3 The Bank may, subject to compliance with the applicable regulatory rules or guidelines, use or apply any information relating to the Customer's collected, compiled, or obtained by the Bank through or by whatever means and methods for such purposes as determined by the Bank.
- 27.4 The Customer(s) also declare that all personal information and data set forth herein is/are all true, up to date and accurate and should there be any charges to any personal information or data set forth herein, shall notify the Bank immediately.
- 28. FORCE MAJEURE**
- 28.1 Notwithstanding any other provisions herein, in the event the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control, including but not limited to fire, earthquake, flood, epidemic, pandemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any factor in a nature of a force majeure or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply, the Bank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Customer arising from the same.
- 29. MISCELLANEOUS**
- 29.1 The Customer shall indemnify the Bank, as collecting banker, for any loss which the Bank may incur by reason of its guaranteeing any endorsement, discharge, bill, note, draft, dividend warrant or other instruments presented by the Customer for collection and every such guarantee given by the Bank shall be deemed given at the Customer requests in every case unless such losses is attributable to the wilful misconduct, gross negligence or fraud of the Bank.
- 29.2 Subject to Shariah principles, the Bank reserves the right to add, modify or delete any of the Terms & Conditions and any such notice or communication of any additions, modifications or deletions may be delivered personally, or by registered or ordinary mail to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises, or by any notice or communication shall be deemed to be proof or receipt and binding on the Customer (unless there is contrary evidence that such notice was not in fact received):
- (a) If personally delivered, at the time of delivery; or
  - (b) If posted by registered or ordinary mail, on the seven (7) business day after mailing; or
  - (c) If displayed at the Bank's premises, on the effective date as stated in the notice.
- 29.3 In the event of any inconsistency between these Terms & Conditions with any brochures, marketing and promotional materials relating to the campaign or its promotion, these Terms & Conditions shall prevail.
- 29.4 The Bank reserves the right to change any or all the above Terms & Conditions whenever deemed necessary by informing the Customers within twenty one (21) calendar days notice prior to the effective date of the new Terms & Conditions.
- 29.5 The terms and conditions including the discretion rights and/or power given to any parties under this Terms & Conditions shall be subject to Shariah principles.

*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") for up to RM 250,000 for each depositor)*



TERMA & SYARAT  
AKAUN SIMPANAN-i ATLAS

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

Terma & Syarat ini hendaklah dibaca dengan Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk Akaun Simpanan-i ATLAS ("AS ATLAS"), pamflet, brosur atau mana-mana terma dan syarat yang dikeluarkan oleh pihak BMMB ("Bank") yang boleh dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis tertentu akaun-akaun yang dibuka oleh Pelanggan. Mana-mana akaun yang dibuka dan setiap operasi yang dibuat ke atas AS ATLAS ini adalah tertakluk sepenuhnya oleh Terma & Syarat yang dinyatakan di bawah:

1. **DEFINISI**

1.1 **Definisi**

"Akaun atau AS ATLAS" bermaksud akaun Pelanggan atau akaun bersama BMMB dan hendaklah termasuk mana-mana akaun Akaun Simpanan-i ATLAS baharu yang akan ditawarkan dari semasa ke semasa di bawah konsep *Tawarruq*. Produk ini adalah tertakluk kepada Terma & Syarat.

"Keuntungan Sebenar" merujuk kepada keuntungan terakru yang dikira pada KKE dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Pelanggan setiap hari sebagai sebahagian penyelesaian Harga Jualan.

"Ejen" bermaksud pihak BMMB yang akan dilantik oleh Pelanggan untuk melaksanakan semua tindakan tertentu bagi Pelanggan di bawah prinsip Syariah *Wakalah* dalam perkara-perkara berhubung dengan *Tawarruq* selaras dengan syarat-syarat di dalam Terma & Syarat ini.

"ATLAS" merujuk kepada perkhidmatan ATLAS oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad atau perkhidmatan Perbankan Digital Bank.

"Platform ATLAS" merujuk kepada platform perbankan dalam talian yang disediakan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad, dikenali sebagai ATLAS, sama ada melalui laman web atau aplikasi mudah alih.

"Kad Debit-i Maya Atlas" direka untuk transaksi dalam talian dan pembelian di platform e-dagang. Ia juga boleh digunakan untuk pembayaran bertekun secara selamat melalui laman web atau aplikasi digital seperti Google Pay atau Samsung Pay.

"BMMB atau Bank" bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad [No. Syarikat 196501000376 (6175-W)] termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.

"BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia.

"Keuntungan Bumbung" merujuk kepada keuntungan bumbung yang dikira pada KKB dan merupakan komponen keuntungan Harga Jualan.

"Kadar Keuntungan Bumbung (KKB)" merujuk kepada kadar yang digunakan untuk mengira Keuntungan Bumbung.

"Komoditi" merujuk kepada mana-mana aset patuh syariah seperti "Airtime", Minyak Sawit Mentah ("MSM"), Resin Plastik-Polyethylene ("PE") atau olein sawit RBD ("OLN") atau aset yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dari semasa ke semasa.

"Platform Komoditi" adalah platform komoditi yang menyediakan perkhidmatan bagi transaksi *Tawarruq*.

"Dagangan Komoditi" bermaksud transaksi jual beli selaras dengan prinsip-prinsip Syariah *Tawarruq*. Semua transaksi jual beli komoditi dijalankan melalui Protokol Pemindahan Fail Selamat (SFTP) oleh platform perdagangan *Tawarruq*.

"Tarikh Semasa" bermaksud hari di mana transaksi/peristiwa berlaku.

"Pelanggan" bermaksud pemegang akaun seperti individu dan bukan individu yang terdiri daripada entiti-entiti perniagaan, iaitu perkongsian, milikan tunggal, persatuan, kelab, pertubuhan, institusi dan koperasi dan hendaklah termasuk waris-waris, pentadbir-pentadbir, wakil-wakil peribadi dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma & Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

"Deposit Bersih Harian" merujuk kepada baki PH setiap pemegang akaun atau Pelanggan pada mana-mana hari, tidak termasuk apungan dan hanya mewakili perbezaan positif deposit harian tolak pengeluaran harian.

"Penyerahan Komoditi" bermaksud penyerahan Komoditi kepada Pelanggan yang telah memohon untuk mengambil pemilikan fizikal Komoditi.

"Kadar Keuntungan Efektif (KKE)" bermaksud kadar keuntungan sebenar yang digunakan untuk mengira akruan keuntungan dan pengkreditan keuntungan.

"Penghujung Hari (PH)" merujuk kepada masa tamat penghujung hari pada jam 2359.

"Force Majeure" merujuk kepada sebarang keadaan di mana pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini sepertimana yang dijelaskan menurut item 38 di bawah ini.

"Hamish Jiddiyyah" merujuk kepada deposit sekuriti ("DS") yang diletakkan untuk menjamin akujanji untuk membeli aset sebelum pelaksanaan kontrak perjanjian jual beli. Di bawah AS ATLAS, DS yang diletakkan oleh pihak Bank adalah untuk menjamin akujanji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan.

"SPRM" bermaksud Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

"Tarikh Matang" merujuk kepada hari terakhir tahun semasa (iaitu 31 Dis) atau semasa penutupan/penamatan Akaun sebelum 31 Dis tahun semasa dan ini dianggap sebagai penyelesaian baki harga jualan bagi tempoh semasa.

"Murabahah" merujuk kepada jual dan beli aset di mana kos pemerolehan dan margin dinyatakan kepada pembeli.

"Nombor Pengenal Peribadi (PIN)" bermaksud kod nombor yang ditetapkan oleh Bank atau ditentukan oleh Pelanggan bagi membolehkan Pelanggan memperolehi sesetengah perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaan Kad Debit.

"Hari Pengkreditan Keuntungan" merujuk kepada hari di mana jumlah keuntungan dibayar dan dikreditkan ke dalam Akaun Pelanggan sebagai sebahagian penyelesaian Harga Jualan.

“*Tarikh Belian*” merujuk kepada hari dagangan bagi setiap transaksi *Tawarruq* dan Platform Komoditi yang dibuka untuk dagangan.

“*Harga Belian*” merujuk kepada amaun yang bersamaan dengan Deposit Bersih Harian dan/atau Jumlah Baki yang mana akan digunakan untuk membeli Komoditi pada Tarikh Belian.

“*Transaksi Belian*” adalah apabila Pelanggan membeli Komoditi (melalui Bank bertindak sebagai ejen mereka) daripada pembekal pada Harga Belian.

“*Rebat*” merujuk kepada ‘pengecualian hak tuntutan’ yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajiban yang harus diberi. Di bawah produk ini, rebat yang diberikan oleh Pelanggan kepada pihak Bank ke atas Harga Jualan adalah pada Tarikh Matang atau Tarikh Penamatan seperti yang dirujuk di Fasal 7 di sini.

“*Baki Hari*” merujuk kepada bilangan baki hari daripada tarikh semasa sehingga Tarikh Matang Harga Jualan tersebut.

“*Terma & Syarat*” bermaksud syarat dan peraturan yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari masa ke semasa oleh pihak Bank beserta notis hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya diguna pakai.

“*Harga Jualan*” merujuk kepada sejumlah amaun yang perlu dibayar oleh pihak Bank untuk memiliki aset daripada Pelanggan berasaskan Murabahah yang terdiri daripada Harga Belian (Deposit Bersih Harian dan/atau Jumlah Baki) dan keuntungan berdasarkan kepada KKB.

“*Transaksi Jualan*” adalah apabila Pelanggan menjual Komoditi (melalui Bank bertindak sebagai ejen) kepada pihak Bank pada Harga Jualan.

“*Tawarruq*” terdiri daripada dua jual beli kontrak di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertunda dan jualan berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Dalam produk ini, Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal dan kemudian, menjual Komoditi kepada pihak Bank pada Harga Jualan berasaskan Murabahah yang mana hendaklah dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang (selepas mengambil kira sebarang rebat, jika ada). Pihak Bank kemudiannya menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Wang tunai tersebut akan dianggap sebagai perletakan deposit daripada Pelanggan.

“*Tarikh Penamatan*” adalah tarikh Pelanggan menamatkan Akaun tersebut dan mengeluarkan kesemua baki.

“*Jumlah Baki*” merujuk kepada jumlah baki sedia ada pada hari terakhir tahun sebelumnya (31 Dis).

“*Hari Dagangan*” merujuk kepada hari di mana Dagangan Komoditi dilaksanakan 24 jam setiap hari dan 365/366 hari setiap tahun.

“*Wa`d*”, secara literal, adalah janji atau akujanji, merujuk kepada ungkapan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melakukan tindakan tertentu pada masa akan datang.

“*Wakalah*” bermaksud suatu kontrak di mana satu pihak (*muwakkil*) memberi kebenaran kepada pihak yang lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan fi.

## 2. PEMBUKAAN AKAUN

- 2.1 Permohonan untuk membuka Akaun hendaklah dibuat melalui Platform ATLAS dan tertakluk kepada syarat pihak Bank, seperti umur, deposit minimum, rujukan serta dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh pihak Bank. Pihak Bank berhak membuat pindaan syarat-syarat tersebut dari masa ke semasa.
- 2.2 Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Bank dan pihak Bank berhak menolak mana-mana permohonan untuk membuka Akaun dengan mengemukakan sebab yang munasabah jika permohonan tersebut melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.
- 2.3 Pelanggan hendaklah membuat pengisytiharan dan penerimaan bahawa Pelanggan akan terikat dengan:
  - (a) Terma & Syarat Akaun;
  - (b) Peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia; dan
  - (c) Undang-undang Malaysia.
- 2.4 Pelanggan hendaklah memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk berurusan serta menggunakan keseluruhan atau mana-mana bahagian kredit Akaun mereka dalam situasi di mana *Tawarruq* dilaksanakan lewat daripada tarikh deposit yang diterima daripada Pelanggan dan sebab-sebab kelewatan adalah disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dielakkan (tabi’).

## 3. DEPOSIT DAN PENGELUARAN (AKAUN SIMPANAN)

- 3.1 Pelanggan bersetuju dan berwa`d bahawa setiap deposit hendaklah disertai slip deposit yang ditetapkan, borang dan/atau resit yang dikeluarkan melalui Platform ATLAS.  
**Deposit Permulaan untuk Pembuatan Akaun** : RM 0.00  
**Deposit Permulaan untuk Pengaktifan Akaun** : RM 0.01  
Nota:
  - a) Bagi pelanggan Sedia Ada di Bank atau pelanggan Baru di Pasaran, deposit permulaan untuk pengaktifan boleh dilakukan melalui pemindahan wang dari mana-mana akaun.
  - b) Sementara itu, bagi pelanggan Baru di Bank tetapi mempunyai akaun bank lain dengan bank selain BMMB, mereka dikehendaki melakukan deposit permulaan untuk pengaktifan daripada akaun mereka sendiri.
- 3.2 Pelanggan bersetuju bahawa sebarang pengeluaran yang dibuat daripada Akaun Simpanan Pelanggan hendaklah dibuat oleh pelanggan secara peribadi:-
  - (a) melalui Mesin Juruwang Automatik (“ATM”). Pelanggan dengan ini selanjutnya bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran melalui ATM hendaklah menurut terma dan syarat yang terpakai untuk ATM seperti yang ditentukan oleh Bank.
  - (b) Selepas mendeposit dan/atau mengeluarkan wang, Pelanggan bersetuju bahawa transaksi yang dilaksanakan yang diakui sewajarnya oleh Pelanggan melalui Platform ATLAS akan dianggap muktamad dan konklusif.

- 3.3 Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa deposit, atau apa-apa pindahan tidak boleh dikeluarkan sehingga ianya telah diterima oleh Bank. Bank berhak menolak instrumen deposit yang pada pendapat Bank tidak sama atau yang telah dipinda dalam apa jua cara walaupun pindaan itu telah ditandatangani balas oleh Pelanggan.
- 3.4 Pelanggan bersetuju bahawasebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, Pelanggan terikat selanjutnya dengan Terma yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

#### 4. PENGENDALIAN AKAUN

- 4.1 Pelanggan bersetuju dan mesti memastikan bahawa pengendalian akaun tidak akan bercanggah dengan prinsip Syariah.
- 4.2 Platform ATLAS akan mengeluarkan e-slip deposit kepada Pelanggan bagi penempatan wang.
- 4.3 Tiada baki minimum yang perlu dikekalkan di dalam Akaun.
- 4.4 Walau bagaimanapun, jika tiada transaksi dibuat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pembukaan akaun, akaun anda akan ditutup secara automatik oleh Bank.
- 4.5 Pihak Bank mempunyai hak untuk menutup mana-mana Akaun yang berada di bawah situasi seperti berikut (jika berkenaan):
  - (a) Atas permintaan bertulis daripada Pelanggan;
  - (b) Atas hasil carian dengan CTOS dan senarai negatif dalaman mengesahkan bahawa Pelanggan telah muflis atau disenarai hitamkan;
  - (c) Atas budi bicara pihak Bank selepas memberi notis yang sewajarnya kepada Pelanggan; atau
  - (d) Atas arahan oleh pihak berkuasa yang diluluskan atau melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.
- 4.6 Pelanggan mestilah menyimpan sendiri Kad Debit (kad fizikal dan maya) dengan cermat dan selamat pada setiap masa. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan, jika tersabit dengan kecuaiian Pelanggan, orang yang tidak diberi kuasa memperolehi Kad Debit bagi penipuan pengeluaran daripada Akaun Pelanggan akibat kehilangan tersebut.

#### 5. PERSETUJUAN PERLANTIKAN SEBAGAI WAKIL

- 5.1 Pelanggan (bertindak sebagai "Prinsipal") bersetuju untuk melantik pihak Bank (bertindak sebagai "Ejen") dan pihak Bank bersetuju untuk menerima perlantikan sebagai wakil kepada Pelanggan untuk menjalankan sebarang tugas bagi pembelian Komoditi pada Tarikh Pembelian tertakluk kepada Hari Dagangan mengikut Terma & Syarat ini dengan mengemukakan permohonan yang lengkap melalui Platform ATLAS.
- 5.2 Pelanggan juga memberi kuasa kepada pihak Bank untuk memuktamadkan jualan Komoditi bagi Pelanggan selepas pembelian Komoditi tersebut.
- 5.3 Pelanggan akan menjual Komoditi kepada pihak Bank dan pihak Bank akan membeli Komoditi tersebut pada Harga Jualan.
- 5.4 Pihak Bank hanya akan bertindak sebagai ejen (membeli dan menjual Komoditi) kepada Pelanggan bagi peruntukan-peruntukan tertentu yang telah ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini dan tidak akan menerima, atau dilihat sebagai menerima apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa hubungan istimewa dengan Pelanggan.
- 5.5 Pihak Bank akan, dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam membeli dan menjual Komoditi, menjaga kepentingan Pelanggan dan menjalankan tanggungjawab secara suci hati.
- 5.6 Pelanggan melindungi pihak Bank atas permintaan pertamanya terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh pihak Bank akibat pembelian komoditi di bawah transaksi di sini sebagai ejen bagi Pelanggan atau pelanggaran oleh Pelanggan terhadap apa-apa tanggungjawab mereka di sini melainkan jika kerugian atau liabiliti tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaiian melampau oleh pihak Bank.
- 5.7 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk memasuki sebarang transaksi atau mengikut sebarang arahan daripada Pelanggan, jika pada pendapatnya dengan memasuki transaksi tersebut, pihak Bank dan gabungannya akan terdedah kepada mana-mana pelanggaran undang-undang, dasar, syarat atau peraturan.
- 5.8 Perlantikan sebagai ejen akan ditamatkan apabila Pelanggan meninggal dunia, pembubaran, kehilangan kapasiti undang-undang prinsipal, semasa pengeluaran penuh di mana, Harga Jualan akan dipercepatkan dan pihak Bank hendaklah membayar baki Harga Jualan iaitu amaun deposit dan sebarang keuntungan (jika ada), dengan mengambil kira sebarang rebat, jika ada, kepada Pelanggan pada Tarikh Penamatan.

#### 6. TRANSAKSI KOMODITI

- 6.1 Sebagai ejen Pelanggan, pihak Bank hendaklah memasuki Transaksi Pembelian seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank seperti berikut:
  - (a) Pihak Bank hendaklah memasuki transaksi *Tawarruq* pada Hari Dagangan yang jatuh pada hari berikutnya selepas tarikh kemasukan deposit, tertakluk kepada amaun Deposit Bersih Harian.
  - (b) Pihak Bank hendaklah memasuki transaksi *Tawarruq* pada Hari Dagangan yang jatuh pada hari perniagaan berikutnya pada setiap tahun baharu pada Jumlah Baki.
- 6.2 Harga Jualan adalah dikira berdasarkan formula berikut:
 
$$\text{Harga Jualan} = \text{Harga Belian} + \text{Keuntungan Bumbung}$$
- 6.3 Harga Jualan akan ditanggung kepada dua kaedah aliran tunai:
  - (a) Bahagian prinsipal iaitu amaun deposit hendaklah dibayar pada Tarikh Matang, contohnya 31 Disember (dan tahun-tahun seterusnya);
  - (b) Keuntungan Sebenar hendaklah dibayar pada setiap hari. Namun demikian, amaun deposit sedia ada di dalam akaun semasa yang dihubungkan pada produk Muamalat Kemudahan Tunai-i (MCash) adalah tidak layak untuk menerima sebarang pembayaran keuntungan oleh pihak Bank. Kadar keuntungan sebenar adalah berdasarkan kepada KKE seperti formula di bawah:

$$\text{Keuntungan Sebenar} = \text{Baki PH} \times \text{KKE} \times \frac{\text{Bil. Hari}}{365 \text{ atau } 366}$$

- 6.4 Keuntungan Bumbung hendaklah dikira berdasarkan kepada formula berikut:

$$\text{Keuntungan Bumbung} = \text{Harga Belian} \times \text{KKB} \times \frac{\text{Baki Hari}}{365 \text{ atau } 366}$$

- 6.5 Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan mengambil milikan fizikal dan penyerahan Komoditi dan mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh penyedia Platform Komoditi. Permintaan bagi penyerahan Komoditi boleh dilakukan melalui

panggilan telefon ke Khidmat Pelanggan Bank (03-20215888) pada waktu urusan niaga perbankan dan urusan penyerahan di antara Pelanggan dan Platform Komoditi adalah ditanggung sendiri yang mana Pelanggan mesti menanggung semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk penghantaran dan pemindahan hak milik Komoditi yang berikutnya.

- 6.6 Pengeluaran dana akan dianggap sebagai bayaran awal/percepatan Harga Jualan, namun bayaran tersebut adalah perlu berkadar dengan amaun pengeluaran oleh Pelanggan.
- 6.7 Deposit baru (Pelanggan melantik Bank sebagai Ejen untuk membeli dan menjual Komoditi bagi pihak Pelanggan) dan pengeluaran (Qard (pinjaman) oleh Bank kepada Pelanggan akan dipadankan secara harian antara satu sama lain semasa Tarikh Pembelian. Jika deposit harian melebihi pengeluaran harian, jumlah bersih akan diperdagangkan pada Tarikh Pembelian.
- 6.8 Sekiranya pengeluaran harian sama atau melebihi deposit harian, pembayaran Harga Jualan akan dipercepatkan dan dipadankan dengan jumlah pengeluaran yang berkaitan. Oleh itu, perdagangan komoditi tidak akan berlaku.
- 6.9 Pada Tarikh Matang, pihak Bank akan melaburkan semula Jumlah Baki di dalam Akaun Pelanggan dan akan memasuki Komoditi Dagangan baharu untuk satu tempoh yang akan matang pada 31 Disember pada tahun berikutnya.
- 6.10 Hamish Jiddiyah akan ditawarkan oleh Bank kepada Pelanggan pada mana-mana hari sekiranya terdapat kegagalan atau kesilapan dalam platform perdagangan komoditi, yang mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan proses perdagangan komoditi Straight Through Process (STP).

## 7. REBAT/IBRA'

- 7.1 Pelanggan hendaklah bersetuju untuk memberikan rebat di bawah konsep *Ibra'* tertakluk kepada berlakunya peristiwa tertentu yang termasuk tetapi:
  - (a) pengeluaran dana sebelum Tarikh Matang;
  - (b) semasa penamatan Akaun sebelum Tarikh Matang;
  - (c) perbezaan antara KKB dan KKE pada Tarikh Matang, memandangkan komponen keuntungan Harga Jualan adalah dikira menggunakan KKB yang melebihi keuntungan agregat semasa yang dikira menggunakan KKE berdasarkan kepada formula berikut:  
$$\text{Rebat} = \text{Agregat Keuntungan Bumbung} - \text{Agregat Keuntungan Sebenar telah Dibayar}$$
- 7.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penentuan pihak Bank terhadap sebarang amaun keuntungan yang perlu dibayar kepada Pelanggan di bawah Akaun ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat terhadap Pelanggan melainkan berlakunya kesilapan nyata.

## 8. WA'D (PERJANJIAN UNTUK MEMASUKI TRANSAKSI JUALAN)

- 8.1 Sehubungan dengan setiap Transaksi Pembelian, pihak Bank (sebagai "Pembeli Komoditi") hendaklah memberi janji kepada Pelanggan dan bersetuju untuk membeli semula Komoditi tersebut daripada Pelanggan apabila selesai Transaksi Pembelian.

## 9. PENYATA AKAUN

- 9.1 E-penyata akaun bulanan akan disediakan dan boleh diakses melalui Platform ATLAS untuk kemudahan pelanggan dan penyimpanan rekod.
- 9.2 Pelanggan dikehendaki menyemak setiap butiran di dalam penyata yang disediakan melalui Platform ATLAS dan melaporkan dengan segera kepada pihak Bank sekiranya terdapat kesalahan, ketidakaturan, perselisihan, tuntutan atau pun pengeluaran yang tidak dibenarkan atau mana-mana butiran yang dibuat, diproses atau dibayar hasil daripada pemalsuan, penipuan, kurang kuasa, kecuaiian atau pengeluaran daripada pihak ketiga. Sekiranya tiada bantahan diterima oleh pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penyata dikeluarkan, penyata Akaun tersebut dianggap betul dan tepat.
- 9.3 Hanya penyata baki akaun yang dikeluarkan oleh Bank akan dianggap sebagai sah kecuali sekiranya dipertikaikan pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank. Bank dilindungi dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perubahan yang tidak dibenarkan pada penyata baki akaun yang dikeluarkan oleh Bank, atau dengan penyalahgunaan, penerimaan atau penggunaan tanpa kebenaran.
- 9.4 Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya Pelanggan gagal memaklumkan pihak Bank secara bertulis tentang isu penyata tidak disediakan oleh Bank untuk memaklumkan kepada Bank sebarang kesilapan, percanggahan tuntutan atau barangan tanpa kebenaran debit atau kredit dalam penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh yang sama, akaun atau rekod-rekod Bank adalah terbukti sebagai catatan transaksi urusan niaga dan baki yang muktamad bagi akaun tersebut dan Pelanggan hendaklah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata sebagai benar dan tepat dalam semua aspek. Mana-mana pindaan selanjutnya ke atas penyata-penyata hendaklah mengikut budi bicara mutlak pihak Bank.
- 9.5 Pihak Bank berhak, dengan mengeluarkan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan, menambah dan/atau mengubah perkara di dalam penyata akaun dan arahan transaksi, arahan deposit dan rekod jika terdapat mana-mana perkara atau amaun yang tidak betul atau hilang seperti yang dinyatakan dalam dokumen tersebut. Pihak Bank seterusnya akan memaklumkan kepada Pelanggan.
- 9.6 Bank boleh membatalkan, memulangkan, menuntut bayaran balik, mendebit Akaun, menyebabkan jumlah supaya tidak mencukupi untuk pengeluaran atau menganggap akaun tersebut sebagai terlebih pengeluaran dan membuat palarasan yang sepadan ke atas penyata, arahan pengesahan atau buku akaun sekiranya:
  - (a) Bank perlu membetulkan sebarang kesilapan;
  - (b) Bank dikehendaki untuk mengembalikan dana kepada pembayar;
  - (c) Bank masih belum menerima dana yang telah dijelaskan dan tidak bersyarat secara sepenuhnya dalam masa yang telah ditetapkan; dan
  - (d) Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk berbuat demikian atas sebab-sebab lain atau terdapat pelanggaran terhadap peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.

## 10. PINDAHAN DANA DARIPADA AKAUN PERBANKAN MELALUI ATM DAN/ATAU PERKHIDMATAN PERBANKAN ELEKTRONIK

- 10.1 Jika Pelanggan memindahkan apa-apa dana daripada mana-mana Akaun Perbankan Pelanggan kepada mana-mana Akaun Perbankan Pelanggan atau kepada mana-mana Akaun Perbankan milik pihak ketiga, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa amaun itu hendaklah didebitkan secara automatik daripada Akaun Perbankan Pelanggan apabila selesai transaksi dan dianggap dipindahkan kepada Akaun Perbankan yang menerima dan bahawa Pelanggan tidak berhak meminta Bank membayar balik atau mengkredit balik Akaun Perbankan Pelanggan walau atas apa-apa sebab sekalipun.



## **11. ARAHAN TETAP/URUSNIAGA ANTARA BANK GIRO**

- 11.1 Walaupun menerima sebarang arahan tetap atau urusniaga antara bank GIRO daripada Pelanggan, Bank tidak bertanggungjawab untuk mematuhi sebarang arahan sedemikian jika pada tarikh tertentu yang dinyatakan untuk pembayaran melalui Bank, sekiranya didapati tiada dana atau dana yang terdapat di dalam akaun tidak mencukupi. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang arahan tetap atau urusniaga antara bank GIRO sekiranya dana yang diterima di dalam akaun pada sebarang hari selepas daripada tarikh pembayaran yang seperti yang dinyatakan oleh pihak Bank. Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana perjanjian antara pihak Bank dan Pelanggan, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan bagi keengganan atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana arahan atau urusniaga antara bank GIRO yang diterima daripada Pelanggan.
- 11.2 Atas budi bicara mutlak Bank berhak menamatkan Arahan Tetap/Urusniaga antara Bank Giro pada bila-bila masa apabila mendapati baki akaun tidak mencukupi dengan notis. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesan akibat daripada penamatan.

## **12. AKAUN DORMAN**

- 12.1 Akaun dormant ditakrifkan sebagai akaun tidak aktif yang tidak mempunyai sebarang transaksi (pengeluaran dan deposit) selama dua belas (12) bulan tidak termasuk yang dimulakan oleh pihak Bank.
- 12.2 Apabila akaun dianggap sebagai dormant, Pelanggan boleh memilih untuk mengaktifkan semula akaun atau menutup akaun tersebut tanpa sebarang caj dikenakan. Pengaktifan semula ATLAS Savings Account-i boleh dilakukan oleh Pelanggan dengan memindahkan dana daripada akaun sendiri di bank lain atau dengan membuat pengeluaran daripada ATLAS Savings Account-i.
- 12.3 Jika tiada pengaktifan daripada Pelanggan, pihak Bank berhak untuk menutup Akaun tersebut dengan baki sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM 10) atau kurang dan baki tersebut akan diserap oleh pihak Bank sebagai fi perkhidmatan.
- 12.4 Bagi akaun dormant dengan baki yang melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), pihak Bank akan mengenakan caj servis tahunan tidak melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) sehingga baki selebihnya dihantar ke Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965.

## **13. WANG TAK DITUNTUT**

- 13.1 Di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965, mana-mana wang yang ada di dalam kredit sesuatu akaun yang tidak beroperasi dengan apa cara sekalipun oleh Pelanggan bagi tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tak Dituntut". Pelanggan akan diberi notis dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu sebelum wang tersebut dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut ("RUM").

## **14. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR**

- 14.1 Tiada sebarang perubahan dalam maklumat Pelanggan, alamat, nombor telefon, nombor faksimili, atau lain-lain maklumat Pelanggan yang telah direkodkan oleh pihak Bank, walau apa jua yang akan dianggap efektif atau terikat melainkan Pelanggan telah memberikan notis bertulis kepada pihak Bank berkenaan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan terjejas atau menjejaskan mana-mana perubahan selepasnya bagi alamat di mana, pihak Bank tidak mengetahui pada masa tersebut bahawa perubahan tersebut telah dilakukan atau dijalankan. Sebarang komunikasi yang dihantar oleh pihak Bank melalui penghantaran elektronik dan/atau servis pesanan ringkas dan/atau melalui pos kepada alamat Pelanggan yang telah di daftarkan kepada pihak Bank, adalah dianggap sebagai sudah dihantar kepada Pelanggan dan diterima oleh Pelanggan melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak disampaikan.
- 14.2 Pelanggan dikehendaki memberitahu pihak Bank secara bertulis tidak lewat daripada tiga (3) hari sekiranya terdapat perubahan pada tandatangan dan penandatanganan, penukaran rakan kongsi (untuk akaun perkongsian), penukaran pemegang amanah (untuk akaun persatuan), penukaran Undang-Undang Tubuh Syarikat (untuk akaun syarikat), penukaran alamat ataupun sebarang maklumat penting yang direkodkan oleh pihak Bank. Semua komunikasi yang diposkan kepada atau diletakkan di tempat alamat terakhir Pelanggan yang didaftarkan dengan pihak Bank adalah dikira sebagai telah dihantar kepada Pelanggan melainkan terdapat bukti yang bertentangan bahawa notis tersebut sebenarnya tidak disampaikan.

## **15. PEMBEKUAN DAN PENGGANTUNGAN AKAUN**

- 15.1 Pelanggan bersetuju bahawa Pihak Bank berhak untuk membekukan Akaun Pelanggan pada bila-bila masa ketika berlaku salah satu daripada peristiwa yang berikut:
- Menuruti arahan daripada Pengawal Selia dan/atau Pihak Berkuasa seperti BNM, pihak Polis, SPRM atau perintah penyiasatan atau mahkamah, kebangkrutan pemegang akaun, penutupan syarikat atau ketidakwarasan Pelanggan;
  - Sekiranya pihak Bank mengesyaki bahawa Akaun Pelanggan digunakan untuk atau terlibat dalam penipuan atau aktiviti penipuan yang disyaki, atau pihak Bank pada pendapatnya berpandangan bahawa maklumat/dokumen yang diberikan kepada pihak Bank untuk membuka Akaun adalah didapati palsu dan/atau tidak betul dan/atau digubah dan/atau penyalahgunaan identiti;
  - Sekiranya pihak Bank, pihak Polis dan/atau pihak Berkuasa melakukan penyiasatan ke atas sebarang transaksi haram atau disyaki transaksi haram yang dilakukan melalui Akaun, penyalahgunaan atau kecurigaan atas penyalahgunaan Akaun atau sebarang transaksi penipuan berkenaan dengan Akaun yang mana tidak berhak diterima oleh Pelanggan;
  - Berdasarkan laporan Polis yang dibuat terhadap Pelanggan berkenaan dengan Akaun, oleh pihak Bank atau individu lain;
  - Sekiranya terdapat kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan yang didepositkan melalui Pelanggan adalah ditangguhkan, ditarik balik atau dihentikan dengan apa-apa alasan oleh pihak Bank;
  - Sekiranya berlaku kematian pemegang akaun dan/atau penandatanganan yang diberi kuasa bagi mengendalikan akaun untuk perkongsian dan/atau Syarikat atau mana-mana entiti yang sah, pihak Bank akan terus membekukan Akaun tersebut sehingga mendapat mandat yang baru atau penandatanganan baru yang diberi kuasa yang diberikan kepada Bank;
  - Apabila pihak Bank mengetahui adanya instrumen kewangan dan/atau jumlah wang yang telah dikreditkan ke dalam Akaun adalah akibat daripada pemalsuan dan/atau pengubahan instrumen dan/atau arahan dan/atau penipuan transaksi, dengan atau tanpa penglibatan Pelanggan; atau

- (h) Apabila pihak Bank diberitahu tentang aduan yang dibuat oleh pihak ketiga bersama-sama dengan Pihak Berkuasa bahawa Akaun tersebut telah digunakan untuk melakukan penipuan transaksi dan/atau deposit dan/atau penipuan dan/atau meminta deposit haram, dengan syarat lebih lanjut kebijaksanaan Bank mengenai pembekuan Akaun hendaklah mengikut pendapat dan budi bicaranya berdasarkan penyiasaan dalamannya sendiri atau maklumat yang disediakan kepadanya oleh Pihak Berkuasa.
  - (i) Apabila pihak Bank menerima apa-apa arahan atau perintah daripada Agensi Penguatkuasa Undang-undang (LEA) seperti yang termaktub dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA); atau
  - (j) Sekiranya nama Pelanggan menyamai Senarai Domestik, Senarai Resolusi Majlis Keselamatan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSCR) dan/atau pihak yang berkaitan mengikut prosedur AMLA.
- 15.2 Fasal di atas merujuk kepada pemegang akaun individu, akaun bersama atau akaun firma di bawah pemilikan tunggal atau perkongsian.
- 15.3 Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa Pembekuan atau Penggantungan Akaun tersebut akan dihentikan atau dikeluarkan apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut:
- (a) Berkenaan dengan perihal Insolvency, Pelanggan perlu menunjukkan bukti-bukti yang bersesuaian sehingga mencapai kepuasan pihak Bank bahawa petisyen penggulungan atau muflis telah ditarik atau ditolak secara sah atau permohonan ditolak atau dibatalkan oleh Mahkamah atau yang mana seseorang atau lebih ramai pengarah kami dihukum bankrap, pihak Bank diberi mandat baru berkenaan perubahan penandatanganan Akaun dan berpuas hati bahawa mandat baru tersebut disahkan oleh lembaga pengarah, atau pihak Bank diserahkan dengan perintah mahkamah yang sesuai yang menjatuhkan penarikan Pembekuan atau Penggantungan Akaun;
  - (b) Berkenaan dengan Arahan Pihak Berkuasa, pihak Bank telah dimaklumkan secara tertulis oleh Pihak Berkuasa mengenai penarikan Pembekuan dan Penangguhan Akaun, atau sebagai alternatif perintah mahkamah yang sesuai telah disampaikan kepada pihak Bank yang menjatuhkan penarikan Pembekuan dan Penggantungan Akaun;
  - (c) Sehubungan dengan penyiasaan oleh Bank atau Pihak Berkuasa, pihak Bank berpuas hati bahawa tidak ada penyelidikan lebih lanjut yang diperlukan atau pihak Bank diserahkan dengan pemberitahuan oleh Pihak Berkuasa bahawa penyelidikan telah dihentikan dan Akaun tersebut tidak lagi mempunyai kaitan dengan siasaan yang sedang dijalankan;
  - (d) Berkenaan dengan kematian pemegang akaun tunggal, apabila diserahkan kepada pihak Bank pemberian surat kuasa atau surat pentadbiran oleh waris si mati atau apa-apa bentuk lain yang berkaitan daripada Pejabat Tanah dan/atau mana-mana badan yang diluluskan di bawah undang-undang yang berkaitan yang berlaku pada waktu itu, atau mandat baru dengan penandatanganan baru yang sah untuk mengendalikan perkongsian dan/atau Syarikat atau Akaun entiti tersebut diserahkan kepada Bank; atau
  - (e) Berkenaan dengan jumlah tertunggak yang harus dibayar kepada pihak Bank, apabila pihak Bank melaksanakan hak hukumnya untuk mengimbangi jumlah tersebut terhadap baki Akaun.
- 9.2 The Bank shall not be held liable for any act or omission by any e-Debit outlets howsoever caused, including but not limited to, any refusal to accept the card, or any statement or other communication made in connection therewith, or any defect or deficiency in goods or services.
- 9.3 The Customer is requested to examine all entries in the statement of account and report at once to the Bank any errors, irregularities, discrepancies, claims or authorised debits or items whether made, processed or paid as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whatsoever. In the absence of any objection to the statement within fourteen (14) days from the date of statement, after its receipt by the Cardholder, the statement shall be deemed as true and accurate.

**10.0 CHANGE IN PARTICULARS**

- 10.1 No change in the Cardholder's information, address, telephone number etc., howsoever brought about shall be effective or binding on the Bank unless the Cardholder has given to the Bank a written notice of such changes. The changes shall be affected or prejudiced by any subsequent change in the address over which the Bank has no actual knowledge of at the time the act or thing was done or carried out.
- 10.2 The Cardholder is required to contact BMMB's customer service regarding any changes in their address, contact number, or any other relevant information recorded with the Bank. All communications sent to or left at the Cardholder's last registered address with the Bank shall be deemed duly delivered to the Cardholder unless there is evidence proving that the notice was not, in fact, received in the specified manner.

**11.0 FORCE MAJEURE**

- 11.1 Notwithstanding any other provisions herein, in the event the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control, including fire, earthquake, flood, epidemic, pandemic, natural catastrophe, accident, riots, civil disturbances, industrial dispute, act of public enemy, embargo, war, act of God or any factor in a nature of a force majeure or any failure or disruption to telecommunication, electricity, water, fuel supply, the Bank shall not in any way be liable for any inconvenience, loss, injury, damages suffered or incurred by the Cardholder arising from the same.

**12.0 MISCELLANEOUS**

- 12.1 The Services shall be available subject to any instructions or notifications regarding the use of the Service issued by the Bank from time to time.
- 12.2 The Bank reserves the right to amend or vary the limits at any time and written notice of such amendment or variation will be communicated to Cardholders in any form or methods as the Bank may prescribe.
- 12.3 The Bank will not affect any payment order or instruction unless there is sufficient balance in the Customer's Account on the payment order or instruction date and shall not be liable for any loss or damage. All payment order or instruction will be void if the Customer's Account is closed or the payment order on instruction is cancelled on or before payment date.
- 12.4 Subject to Shariah principles, the Bank reserves the right to add, modify or delete any of the Terms & Conditions and any such notice or communication of any additions, modifications or deletions may

be delivered personally, or by registered or ordinary mail to the other party at the last known address by the Bank, or by it being displayed at the Bank's premises, or by any notice or communication shall be deemed to be proof or receipt and binding on the Customer: (a) If personally delivered, at the time of delivery; or (b) If posted by registered or ordinary mail, on the seven (7) business days after mailing; or (c) If displayed at the Bank's premises, on the effective date as stated in the notice; unless there is contrary evidence that such notice was not in fact served in the same manner as provided.

- 12.5 Notwithstanding and without prejudice to the generality of the clauses in these Terms & Conditions, the Cardholder shall expressly agree that the use of the Card is at his/her own risk and shall assume all risk incidental to or arising out of the use of the Card.
- 12.6 In the event if any inconsistency between these Terms & Conditions with any brochures, marketing and promotional materials and product disclosure sheet, these Terms & Conditions shall prevail.
- 12.7 The Bank reserves the right to change any or all the above Terms & Conditions whenever deemed necessary by informing the Cardholders within twenty-one (21) calendar days notice prior to the effective date of the new Terms & Conditions.
- 12.8 The Terms & Conditions including the discretion rights and/or power given to any parties under this document shall be subject to Shariah principles.
- 12.9 The terms and conditions governing the account(s) of the customer with the Bank which are consistent with these Terms & Conditions shall continue to apply.
- 12.10 In the event if any inconsistency between these Terms & Conditions in English version and Bahasa Melayu version, the English version shall prevail.
- 12.11 Any complaint can be directed as per below:

Write in to	:	Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) Customer Service Department, Level 19, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
Tel	:	03 - 2021 5888
Email	:	<a href="mailto:ask@atlasmuamalat.com.my">ask@atlasmuamalat.com.my</a>
Website	:	<a href="http://www.atlasmuamalat.com.my">www.atlasmuamalat.com.my</a>

**BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)  
 TERMA DAN SYARAT BAGI KAD DEBIT-i MAYA ATLAS**

Terma dan syarat berikut berkuatkuasa ke atas penggunaan Kad Debit-i Maya ATLAS yang dikeluarkan oleh BMMB kepada Pemegang Kad. Terma dan syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan risalah pendedahan produk sebelum anda menerimanya. Anda dianggap telah menerima dan terikat pada terma dan syarat ini apabila menanda kotak yang berkaitan dalam Platform ATLAS atau menggunakan Kad Debit-i Maya ATLAS.

Kad Debit-i Maya ATLAS adalah berdasarkan konsep Syariah Ujrah. Ujrah merujuk kepada bayaran (fi atas perkhidmatan) untuk sebarang perkhidmatan yang diberi. Perkhidmatan, faedah seperti hadiah wang tunai (hibah) dan kelebihan di bawah Kad akan ditentukan oleh Bank.

Pelanggan yang membuka Akaun Simpanan-i ATLAS akan secara automatik diberikan Kad Debit-i Maya ATLAS. Kad ini akan dihubungkan dengan Akaun Simpanan-i ATLAS dan boleh diakses melalui Platform ATLAS.

**1.0 DEFINISI DAN TAFSIRAN**

1.1 Dalam terma dan syarat ini, definisi bagi terma adalah seperti tertera di bawah, kecuali dinyatakan sebaliknya:

Terma	Definisi
<b>Nombor Laluan</b>	Nombor laluan yang diberikan oleh pihak Bank kepada pengguna yang perlu digunakan dengan PIN untuk perkhidmatan Perbankan Telefon.
<b>Akaun</b>	Akaun Simpanan-i ATLAS yang dibuka dan dipegang oleh Pemegang Kad dengan Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akaun Tentuan dan yang boleh didebitkan menerusi penggunaan Kad.
<b>Bank</b>	BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD [No. Syarikat 196501000376 (6175-W)] atau Pengeluar Kad, bank berlesen yang ditubuhkan mengikut undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Aras 30, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur dan alamat perniagaan di pejabat Perniagaan Kad di Aras 30, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur dan termasuk cawangan-cawangan dan pengganti serta penerima serah haknya.
<b>ATLAS</b>	Perkhidmatan ATLAS oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad atau perkhidmatan Perbankan Digital Bank
<b>Platform ATLAS</b>	Platform perbankan dalam talian yang disediakan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad, dikenali sebagai ATLAS, sama ada melalui laman web atau aplikasi mudah alih
<b>Kad</b>	Kad Debit-i ATLAS yang diberikan oleh Bank kepada Pemegang Kad yang sedia ada atau Pemegang Kad yang layak di masa akan datang.
<b>Pemegang Kad</b>	Seseorang yang mana kad tersebut dikeluarkan kepadanya sebagai pengguna yang sah dan Pemegang Kad hendaklah ditafsirkan sewajarnya.
<b>Transaksi Tanpa Hubungan</b>	Kaedah pembayaran yang cepat dan mudah yang menggunakan pengenalan frekuensi radio (RFID) bagi membuat pembayaran hanya dengan menyentuh/melayangkan telefon bimbit (Samsung Pay dan Google Pay) di hadapan peranti bacaan yang selamat.
<b>Transaksi Debit</b>	Transaksi yang dilakukan di bawah nama, tanda dan logo Visa menerusi penggunaan Kad dengan atau tanpa PIN.

Terma	Definisi
<b>Akaun Tentuan</b>	Akaun Simpanan-i ATLAS, yang ditetapkan oleh Pemegang Kad dan diluluskan oleh Bank, untuk tujuan melaksanakan transaksi debit.
<b>Tarikh Tamat</b>	Tarikh tamat Kad seperti yang dicetak di atas Kad.
<b>Baki Dipegang</b>	Pada bila-bila masa jumlah amaun yang dianggarkan oleh pihak Bank sebagai amaun mana-mana dan semua transaksi debit yang dilakukan ke atas Kad, tetapi belum didebitkan dari Akaun Tentuan.
<b>Hibah</b>	Hadiah Wang Tunai diberikan kepada Pemegang Kad berhubung dengan urus niaga yang dibuat dengan menggunakan Kad.
<b>Peniaga</b>	Mana-mana peruncit atau individu, syarikat atau pertubuhan lain, kakitangan, pekerja atau ejennya yang bersetuju menerima atau menyebabkan pejabat, cawangan, kedai, stor, premis perniagaan dan lokasinya di Malaysia atau mana-mana jua untuk menerima Kad apabila dikemukakan secara elok untuk membenarkan Pemegang Kad membuat transaksi debit pada Kad.
<b>Baki Minimum</b>	Amaun minimum untuk dikekalkan di dalam akaun dan baki minimum boleh berubah untuk setiap akaun.
<b>Perbankan Telefon</b>	Perkhidmatan Perbankan Elektronik melalui telefon.
<b>PIN</b>	Nombor Pengenalan Peribadi yang dikeluarkan oleh Bank atau ditentukan oleh Pemegang Kad bagi membolehkan Pemegang Kad untuk menggunakan perkhidmatan tertentu yang berkaitan dengan penggunaan Kad.  Pemegang Kad adalah dinasihatkan untuk tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon bimbit sebagai PIN.
<b>Perkhidmatan</b>	Perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pengguna melalui SST, MyDebit, Perbankan Telefon, perbankan internet atau mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik yang akan di perkenalkan oleh piak Bank pada masa akan datang.
<b>Terma &amp; Syarat</b>	Terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak bank dengan memberi notis terlebih dahulu.
<b>Transaksi</b>	Urus Niaga perbankan yang dilakukan atau boleh dilakukan dengan atau tanpa menggunakan Kad (termasuk tanpa hubungan) dan akan termasuk samada pembayaran, pemindahan wang, pertanyaan baki, penyelesaian akaun credit, permintaan penyata kewangan, bayaran bil dan sebarang khidmat perbankan elektronik lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
<b>Kad Debit-i Maya ATLAS</b>	Kad debit maya direka untuk transaksi dalam talian dan pembelian di platform e-dagang. Ia juga boleh digunakan untuk pembayaran bertoken secara selamat melalui dompet digital seperti Google Pay atau Samsung Pay.

## 2.0 PERMOHONAN DAN PENERIMAAN

- 2.1 Pelanggan Bank yang memegang akaun pada usia lapan belas (18) tahun dan ke atas serta kanak-kanak berusia dua belas (12) tahun adalah layak untuk memohon Kad.
- 2.2 Pemohon di bawah usia lapan belas (18) tahun hendaklah melengkapkan borang permohonan yang mana ibu bapa atau penjaga yang sah diperlukan untuk mendaftar Fasal tanggung rugi dan mengemukakan kepada pihak Bank dengan dokumen seperti yang dinyatakan oleh pihak Bank. Pihak Bank boleh mengubah keperluan tersebut dari semasa ke semasa.
- 2.3 Pihak Bank mengikut budi bicaranya berhak menolak sebarang permohonan Kad sekiranya Pelanggan tidak mematuhi keperluan Bank untuk membuka akaun Simpanan dengan alasan yang munasabah. Operasi Kad adalah berdasarkan budi bicara pihak Bank.
- 2.4 Dengan membuka Akaun, Pelanggan bersetuju dengan pengeluaran automatik Kad Debit-i Maya ATLAS, yang tertakluk kepada terma dan syarat ini. Kad maya tersebut akan dihubungkan dengan Akaun pelanggan dan boleh digunakan melalui Platform ATLAS.
- 2.5 Dengan mengeluarkan Kad kepada Pemegang Kad, pihak Bank bersetuju menyediakan kemudahan Kad kepada Pemegang Kad tertakluk kepada syarat dan peraturan yang dinyatakan (yang mungkin dipinda oleh pihak Bank dari masa ke semasa).
- 2.6 Sebaik sahaja menerima Kad, Pemegang Kad perlu segera menandatangani panel tandatangan pada Kad. Dengan menggunakan Kad, Pemegang Kad bersetuju akan terikat sepenuhnya dengan syarat dan peraturan yang dinyatakan.
- 2.7 Pemegang Kad akan hanya diberi satu Kad pada satu masa, tertakluk kepada budi bicara mutlak pihak Bank untuk mengeluarkan lebih daripada satu Kad kepada Pemegang Kad seperti yang difikirkan sesuai.
- 2.8 Pihak Bank berhak membatalkan mana-mana kad mengikut budi bicara mutlak pihak Bank, dan Pemegang Kad perlu menyerahkan semula Kad yang telah dibatalkan tersebut kepada pihak Bank.

## 3.0 PENGGUNAAN KAD

- 3.1 Pemegang Kad hendaklah menggunakan Kad hanya untuk melaksanakan pembelian runcit dan pembayaran atau untuk kedai-kedai yang berlandaskan Syariah, barangan dan perkhidmatan sahaja.
- 3.2 Kad ini tidak dibenarkan untuk kegunaan bagi membeli atau memperoleh barang-barang dan perkhidmatan tidak halal yang tidak termasuk dalam kod kategori perniagaan tidak halal ("MCC"). Kod kategori rakan niaga tidak halal adalah seperti berikut:

MCC	Keterangan	MCC	Keterangan
<b>Hiburan</b>		<b>Hotel &amp; Motel</b>	
7800	Government Owned Lottery	3669	Eldorado Hotel & Casinos
7801	Internet Gambling	3676	Monte Carlo Hotel & Casino
7802	Government Licensed Horse/Dog Racing	3679	Silver Legacy & Casino
7995	Betting (including Lottery Tickets), Casino Gaming Chips,	3682	Sahara Hotel and Casino
9406	Government Owned Lotteries- Non-US Region	3708	Virgin River Hotel & Casino
<b>Pembekal Perkhidmatan Peribadi</b>		3712	Buffalo Bill's Hotel & Casino
7273	Dating and Escort Services	3728	Bally's Hotel and Casino

<b>Kedai-kedai Pelbagai</b>		3731	Harrah's Hotel and Casinos
5921	Package Stores - Beer, Wine and Liquor	3737	Riviera Hotel and Casino
5993	Cigar Stores and Stands	3738	Tropicana Resort & Casino
<b>Hotel &amp; Motel</b>		3761	Primadonna Hotel & Casino
3551	Mirage Hotel and Casino	3762	Whiskey Pete's Hotel & Casino
3555	Treasure Island Hotel and Casino	3763	Chateau Elan Winery & Resort
3560	Aladdin Resort and Casino	3764	Beau Rivage Hotel & Casino
3564	Sams' Hotel and Casino	3765	Bellagio
3582	California Hotel and Casino	3766	Fremont Hotel and Casino
3624	Lady Luck Hotel & Casino	3767	Main Street Hotel & Casino
3628	Excalibur & Casino	3768	Silver Star Hotel & Casino
3662	Circus Circus Hotel & Casino	3769	Stratosphere Hotel and Casino
3667	Luxor Hotel & Casino	3771	Ceasars Hotel and Casino
3774	New York NY Hotel & Casino	3773	Venetian Resort Hotel & Casino

- 3.3 Mana-mana transaksi debit yang dilakukan oleh Pemegang Kad akan didebitkan terus dari Akaun. Transaksi debit adalah tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM 20,000 sehari.
- 3.4 Untuk tujuan menguatkuasakan transaksi dan urusniaga Debit dengan Kad, Pemegang Kad dikehendaki menetapkan nombor PIN selepas kad maya dikeluarkan melalui Platform ATLAS.
- 3.5 PIN adalah sulit dan tidak seharusnya didedahkan kepada sesiapa dalam apa jua keadaan atau dengan apa jua cara. Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa beliau hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dan bertanggungjawab di atas semua transaksi yang dilakukan dengan penggunaan PIN sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad.
- 3.6 Kad adalah sah sehingga tarikh tamat tempoh. Kad yang akan dikeluarkan adalah mengikut budi bicara pihak Bank dengan syarat bahawa Pelanggan memenuhi keperluan pihak Bank.
- 3.7 Had belian harian Kad untuk transaksi dengan sentuhan dan tanpa sentuhan boleh ditukar pada bila-bila masa oleh Pemegang Kad melalui Platform ATLAS atau apa-apa cara yang ditentukan oleh pihak Bank pada masa hadapan tertakluk kepada had maksima terkumpul setiap hari. Bagi transaksi tanpa sentuhan jumlah maksimum setiap transaksi bagi setiap hari ditetapkan sebanyak RM 250. Jika jumlah urusniaga melebihi had, pelanggan adalah dikehendaki untuk memasukkan nombor PIN di Terminal Tumpuan Jualan (POS) untuk menyelesaikan transaksi.
- 3.8 Pemegang Kad harus memberitahu pihak Bank terlebih dahulu jika berhasrat untuk menggunakan Kad untuk transaksi di luar negara. Pemegang Kad dikehendaki mengaktifkan Kad sebelum beliau melawat atau berlepas dengan menghubungi pusat khidmat pelanggan di talian 03-20215888.



- 3.9 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad untuk melaksanakan transaksi di luar Malaysia di mana terdapat peniaga dan/atau saluran tunai yang dibenarkan.
- 3.10 Penggunaan Kad untuk transaksi luar negara adalah tertakluk kepada semua peraturan Dasar Pertukaran Asing (FEP) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang mungkin dikenakan kepada transaksi seumpamanya.
- 3.11 Pemegang Kad mengakui bahawa baki yang dipaparkan menerusi Platform ATLAS atau saluran lain yang disediakan kepada Pemegang Kad tidak termasuk deposit yang belum disahkan oleh pihak Bank. Baki yang dipaparkan menerusi Platform ATLAS atau terminal atau saluran lain yang disediakan kepada Pemegang Kad tidak boleh dianggap sebagai baki muktamad akaun Pemegang Kad.
- 3.12 Jika Pemegang Kad menggunakan Kad untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan melalui laman internet atau portal, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaan sedemikian pada setiap masa. Pelanggan akan dikehendaki untuk memasukkan kata laluan satu masa (OTP) yang akan dihantar melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) ke nombor telefon bimbit berdaftar pemegang kad. Pemegang Kad bersetuju bahawa kemasukan maklumat Kad di internet hendaklah menjadi bukti mencukupi tentang kesahihan arahan tersebut.
- 3.13 Pihak Bank boleh menetapkan baki dipegang untuk tujuan mana-mana transaksi debit yang bakal dilakukan pada kad. Jumlah baki dipegang dan tempoh baki dipegang yang boleh dikekalkan akan ditentukan oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya. Pihak Bank berhak atas budi bicara untuk mendebit akaun dengan jumlah baki dipegang (atau mana-mana bahagiannya) sama ada atau tidak jumlah tersebut mewakili Transaksi Debit.
- 3.14 Jika pihak Bank mendebit sebarang amaun daripada akaun Deposit sebagai notis dan pihak Bank kemudiannya akan menentukan bahawa amaun tersebut (atau mana-mana bahagiannya) tidak sepatutnya didebitkan, pihak Bank akan mengkredit semula jumlah tersebut ke akaun (tiada sebarang caj yang dikenakan).
- 3.15 Pihak Bank berhak untuk menganggap rekod pihak Bank bagi sebarang transaksi yang dilakukan menggunakan Kad ini termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi yang dilakukan melalui internet, pesanan mel, telefon atau di tempat tertentu terminal jualan termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi di kiosk petrol dan/atau melalui apa-apa cara lain yang mungkin diperkenalkan/dilaksanakan dari semasa ke semasa sebagai bukti transaksi dilakukan dengan betul oleh Pemegang Kad untuk didebitkan ke dalam Akaun Pemegang Kad.
- 3.16 Pemegang Kad dengan ini akan mengecualikan pihak Bank daripada sebarang tuntutan dan liabiliti dari semua pihak yang timbul akibat daripada penggunaan tanpa kebenaran, melainkan tuntutan dan liabiliti tersebut adalah disebabkan oleh lalai sengaja, kelalai kasar atau penipuan oleh pihak Bank. Pemegang Kad seterusnya bersetuju dan berjanji untuk menanggung kerugian pihak Bank sepenuhnya terhadap Akta Penipuan atau tidak memberitahu tentang kehilangan Kad melainkan disebabkan oleh kecuaiannya atau kegagalan oleh pihak Bank.

#### **4.0 WA'D OLEH AHLI KAD**

- 4.1 Kad adalah hak milik Bank pada setiap masa.
- 4.2 Pemegang Kad hendaklah menyimpan dan menggunakan sendiri Kadnya dan tidak boleh memindah milik, mencagar, atau sebaliknya menggunakannya sebagai jaminan untuk apa-apa urusan niaga kredit.
- 4.3 Pemegang Kad mesti mematuhi segala keselamatan yang ditetapkan oleh pihak Bank berkaitan dengan Kad atau nombor laluan atau nombor PIN atau Perkhidmatan yang disediakan, dan tidak sesekali atau dibawah apa jua keadaan atau memberitahu nombor PIN beliau kepada sesiapa termasuk kakitangan Bank. Jika nombor PIN sudah

diketahui atau disyaki diketahui oleh orang lain, Pemegang Kad mesti memaklukkannya dengan segera kepada pihak Bank, dan jangan melakukan urusan niaga sehingga pihak Bank mengeluarkan Kad dan atau Nombor Laluan Perbankan Telefon berserta nombor PIN baru kepada Pemegang Kad.

- 4.4 Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad untuk bayaran atau pindahan wang melainkan wang didalam Akaunnya mencukupi.
- 4.5 Pemegang Kad bersetuju bahawa rekod pihak Bank bagi mana-mana Urus Niaga yang dilakukan dengan menggunakan Kad adalah muktamad dan mengikat Pemegang Kad untuk segala tujuan.
- 4.6 Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesemua Urus Niaga yang dibuat sebagai muktamad dan mengikat untuk segala tujuan, dan seterusnya membenarkan pihak Bank untuk mendebit Akaun Pemegang Kad dengan pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad.

#### **5.0 TANGGUNGJAWAB PEMEGANG KAD**

- 5.1 Apabila pemegang kad memasuki kontrak, pemegang kad adalah bertanggungjawab untuk:
  - i) mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad ini;
  - ii) mengambil langkah munasabah dalam menyimpan Kad dan melindungi PIN sepanjang masa, termasuk tempat kediaman pemegang kad. Ini termasuk tidak:
    - a) mendedahkan maklumat Kad kepada mana-mana pihak;
    - b) mencatatkan PIN pada Kad, atau apa-apa medium yang berdekatan dengan kad;
    - c) menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir pemegang kad, kad pengenalan, passport, lesen memandu, atau nombor telefon; dan
    - d) membenarkan pihak lain untuk menggunakan kad debit dan PIN.
  - iii) memaklumkan kepada pihak Bank dengan kadar segera seperti yang dipraktikkan secara munasabah selepas mendapat tahu bahawa berlaku transaksi tanpa kebenaran atau PIN telah di kompromi;
  - iv) memaklumkan kepada pihak Bank dengan kadar segera selepas menerima Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) tentang amaran transaksi sekiranya transaksi tersebut dilakukan tanpa kebenaran;
  - v) memaklumkan kepada pihak Bank terhadap apa-apa perubahan dalam nombor telefon pemegang kad;
  - vi) menggunakan Kad dengan tanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan
  - vii) memeriksa penyata akaun dan melaporkan apa-apa percanggahan tanpa kelewatan yang tidak wajar.

#### **6.0 LIABILITI UNTUK TRANSAKSI TANPA KEBENARAN**

- 6.1 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab bagi transaksi secara tunjuk-kad tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN, dimana pemegang kad telah:
  - i) bertindak secara penipuan;
  - ii) lewat dalam memaklumkan kepada pihak Bank dengan kadar segera yang dipraktikkan secara munasabah selepas mendapat tahu bahawa Kad telah hilang atau berlaku transaksi tanpa kebenaran terhadap Kad;
  - iii) secara sukarela mendedahkan PIN kepada pihak lain; atau
  - iv) merekodkan PIN pada Kad atau apa-apa yang berdekatan dengan Kad.
- 6.2 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab bagi transaksi secara tunjuk-kad tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau menggunakan kad tanpa sentuh, dimana pemegang kad telah:
  - i) bertindak secara penipuan;

- ii) lewat dalam memaklumkan kepada pihak Bank dengan kadar segera yang dipraktikkan secara munasabah selepas mendapat tahu bahawa Kad telah hilang atau berlaku transaksi tanpa kebenaran terhadap Kad;
- iii) meninggalkan Kad atau item yang mengandungi Kad yang tidak dijaga di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh pihak lain; atau
- iv) secara sukarela membenarkan pihak lain untuk menggunakan Kad.

Kad ini tidak boleh digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang. Pihak Bank perlu segera menamatkan kemudahan Kad sekiranya pemegang kad telah menggunakan Kad dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang.

**7.0 TRANSAKSI KAD**

- 7.1 Kad ini tidak boleh digunakan selepas pembatalan, tamat tempoh atau apabila Pemegang Kad tidak lagi menjadi pelanggan Bank.
- 7.2—Jika akaun Pemegang Kad telah terlebih-guna, Pemegang Kad akan, apabila dituntut oleh pihak Bank, membayar semula amaun yang terlebih-guna serta apa-apa caj, jika ada.
- 7.3 Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa sekiranya Kad tersebut digunakan untuk membuat pembayaran kepada kedai, barang-barang dan perkhidmatan yang bukan berlandaskan Syariah, pihak Bank berhak untuk menggantung dan/atau menamatkan penggunaan Kad tanpa notis dan memberikan sebarang alasan terhadapnya.
- 7.4 Pihak Bank berhak untuk membatalkan atau menamatkan Kad dan/atau perkhidmatan dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar notis kepada Pemegang Kad jika Kad tidak pernah digunakan untuk tempoh dua tahun atau lebih.
- 7.5 PihakBank tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang bayaran tertanggung kepada pihak peniaga tanpa mengambil kira sebarang tuntutan dan/atau pertelingkahan di antara Pemegang Kad dan Peniaga. Sekiranya wujud pertelingkahan tentang sebarang transaksi, amaun yang dipotong untuk bayaran transaksi tersebut tidak akan dikembalikan sehingga Pemegang Kad dibebaskan daripada sebarang liabiliti berhubung dengan transaksi tersebut.
- 7.6 Pemegang Kad berakujanji untuk tidak melibatkan Pihak Bank di dalam apa jua jenis tuntutan dan/atau pertikaian dan prosiding undang-undang terhadap pihak peniaga.
- 7.7 Pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang bayaran tertanggung kepada pihak peniaga tanpa mengambil kira sebarang tuntutan dan/atau pertelingkahan di antara Pemegang Kad dan Peniaga. Sekiranya wujud pertelingkahan tentang sebarang transaksi, amaun yang dipotong untuk bayaran transaksi tersebut tidak akan dikembalikan sehingga Pemegang Kad dibebaskan daripada sebarang liabiliti berhubung dengan transaksi tersebut.
- 7.8 Pemegang Kad akan mengecualikan pihak Bank daripada semua liabiliti jika Kad tidak diterima oleh mana-mana peniaga atau di dalam mana-mana transaksi dalam talian.

**8.0 FIDAN CAJ**

- 8.1 Penggunaan kad gantian tertakluk kepada Terma dan Syarat berkuatkuasa pada tarikh penggantian diluluskan.
- 8.2 Tukaran bagi transaksi luar negara apabila Pemegang Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, transaksi tersebut hendaklah dicajkan dalam mata wang rasmi negara berkenaan dan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran semasa pada masa pihak Bank membuat pembayaran berkaitan kepada bank yang turut serta bagi transaksi tersebut.
- 8.3 Pemegang Kad hendaklah menanggung liabiliti untuk segala caj dan pendahuluan walau apa sekalipun yang timbul daripada segala transaksi, sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan, yang dilakukan menggunakan Kad ini.

- 8.4 Sekiranya akaun tidak mempunyai baki yang mencukupi untuk membayar apa jua transaksi atau amaun yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang faedah, yuran, caj atau lain-lain bayaran kepada pihak Bank, maka pihak Bank berhak sepenuhnya untuk memindah atau menguruskan pindahan dana yang mencukupi dari mana-mana akaun lain yang dimiliki Pemegang Kad dengan pihak Bank ke Akaun tersebut dengan memberi Pemegang Kad notis tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh ia berkuat kuasa.
- 8.5 Ia dengan ini diberi kuasa oleh Pemegang Kad untuk memindahkan atau mengaturkan pemindahan sekiranya dana yang mencukupi dari mana-mana akaun lain yang dipegang oleh Pemegang Kad dengan pihak Bank ke dalam akaun yang ditetapkan.
- 8.6 Caj akan dikenakan mengikut caj Bank. Pihak Bank hendaklah mengikuti kesemua undang-undang yang relevan dan keputusan dari Bank Negara Malaysia ""BN"").
- 8.7 Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah yuran dan caj yang berkenaan dengan Kad dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari atau komunikasi variasi mungkin dihantar secara peribadi, atau melalui pos biasa/berdaftar kepada pihak lain di alamat terakhir yang diketahui oleh pihak Bank, atau oleh apa yang dipaparkan pada premis Bank atau akhbar, atau e-mel, atau laman web atau perkhidmatan mesej pendek, atau dengan cara lain yang pihak Bank fikirkan sesuai. Semua komunikasi bertukar kepada atau ditinggalkan pada alamat berdaftar terakhir pelanggan dengan pihak Bank akan dianggap telah dihantar kepada pelanggan, melainkan ada bukti yang bertentangan bahawa notis itu sebenarnya tidak disampaikan dengan cara yang sama seperti yang disediakan.

Transaksi	Fi
1. <b>Fi Pengeluaran</b> <i>(Untuk pemegang kad baru)</i> • Maya	Percuma
2. <b>Fi Tahunan</b> <i>(Tahun 2 seterusnya)</i> • Maya	RM 12.00
3. <b>Fi Penggantian/Pembaharuan Kad</b> • Maya	Percuma

**9.0 PENYATA**

- 9.1 Jika Pemegang Kad mempunyai akses ke Akaun dengan menggunakan Kad, rekod transaksi atau semua transaksi yang dilakukan akan dikendalikan oleh pihak Bank. Pemegang Kad boleh meminta e-penyata periodik pada bila-bila masa melalui Platform ATLAS.
- 9.2 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tindakan atau kecuaiian syarikat yang mengendalikan e-Debit, walau apa pun sebabnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada keengganan untuk mengiktiraf Kad tersebut atau sebarang penyata atau surat menyurat lain yang dibuat berkaitan dengannya atau apa-apa kekurangan atau kelemahan dalam barangan atau perkhidmatan yang diberikan.
- 9.3 Pelanggan diminta untuk memeriksa semua rekod transaksi dalam penyata akaun dan melaporkan segera kepada pihak Bank sekiranya terdapat sebarang kesilapan, penyelewengan, percanggahan, tuntutan atau debit yang dibenarkan atau perkara-perkara yang dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, kekurangan kuasa, kecuaiian atau sebaliknya oleh sesiapa pun. Sekiranya tiada sebarang bantahan terhadap penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata, selepas ianya diterima oleh Pemegang Kad, penyata akan dianggap sebagai tepat dan benar.

## 10.0 PERUBAHAN MAKLUMAT

- 10.1 Tiada perubahan kepada maklumat Pemegang Kad, alamat, nombor telefon dan lain-lain, sepertimana yang berkuatkuasa dalam rekod pihak Bank melainkan Pemegang Kad telah memberikan notis bertulis kepada pihak Bank tentang perubahan-perubahan tersebut. Perubahan tersebut bakal memberi kesan kepada sebarang perubahan alamat berikutnya di mana pihak Bank tidak mempunyai sebarang informasi sebenar pada masa tindakan atau perkara yang dilakukan atau dijalankan.
- 10.2 Pemegang Kad dikehendaki menghubungi khidmat pelanggan BMMB berkenaan sebarang perubahan alamat, nombor hubungan, atau maklumat lain yang berkaitan yang direkodkan dengan Bank. Semua komunikasi yang dihantar atau ditinggalkan di alamat terakhir Pemegang Kad yang didaftarkan dengan Bank akan dianggap telah dihantar dengan sewajarnya kepada Pemegang Kad melainkan terdapat bukti yang menunjukkan bahawa notis tersebut tidak diterima mengikut cara yang ditetapkan.

## 11.0 BENCANA ALAM

- 11.1 Walau apa jua peruntukan lain dalam Perjanjian ini, sekiranya pihak Bank tidak berupaya untuk melaksanakan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan akibat sebarang sebab di luar kawalan pihak Bank, termasuk kebakaran, gempa bumi, banjir, bencana alam, wabak, pandemik, kemalangan, rusuhan, kekacauan awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana atau mana-mana faktor jenis a force majeure atau apa-apa kegagalan atau gangguan kepada telekomunikasi, elektrik, air, bekalan bahan api, pihak Bank tidak dalam apa jua cara bertanggungjawab bagi apa-apa kesusahan, kehilangan, kecederaan, ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad akibat yang sama.

## 12.0 LAIN-LAIN

- 12.1 Perkhidmatan yang ditawarkan adalah tertakluk kepada sebarang peraturan atau pemberitahuan yang berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak Bank dari masa ke semasa.
- 12.2 Pihak Bank berhak meminda atau mengubah had pada bila-bila masa dan notis bertulis berkenaan pindaan atau perubahan tersebut akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dalam apa jua bentuk dan cara yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- 12.3 Pihak Bank tidak akan menguatkuasakan sebarang arahan bayaran atau arahan kecuali terdapat baki yang mencukupi dalam akaun utama pelanggan pada tarikh perintah atau arahan pembayaran dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan. Semua arahan bayaran atau arahan akan terbatal sekiranya akaun pelanggan ditutup atau arahan bayaran terakhir dibatalkan pada atau sebelum tarikh pembayaran.
- 12.4 Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pihak Bank berhak untuk menambah, mengubahsuai atau menghapuskan mana-mana terma & syarat dan apa-apa notis atau komunikasi di atas sebarang penambahan, pengubahsuaian atau pemotongan yang akan dihantar secara personal, atau melalui pos biasa atau berdaftar kepada pihak lain di alamat terakhir yang diketahui oleh pihak Bank, atau dari paparan di premis Bank, atau dari sebarang notis atau komunikasi dianggap bukti atau resit kepada pelanggan: (a) jika diterima sendiri, pada tarikh penghantaran; atau (b) jika dihantar dengan pos berdaftar atau biasa, pada tujuh (7) hari bekerja selepas surat-menyurat; atau (c) jika dari paparan di premis Bank, pada tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan dalam notis melainkan ada bukti yang bertentangan bahawa notis itu sebenarnya tidak disampaikan dengan cara yang sama seperti yang disediakan.

- 12.5 Tanpa mengambil kira sifat umum fasal-fasal dalam terma dan syarat ini, Pengguna mesti menyatakan persetujuan bahawa beliau sanggup menghadapi dan menanggung segala risiko, sama ada disengajakan atau tidak, ekoran penggunaan Perkhidmatan ini.
- 12.6 Seandainya terdapat percanggahan di antara terma & syarat ini dengan sebarang risalah, bahan-bahan pemasaran dan promosi dan risalah pendedahan produk, terma & syarat ini akan diguna pakai.
- 12.7 Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau semua terma & syarat di atas pada bila-bila masa yang dianggap perlu dengan memaklumkan kepada Pemegang Kad dalam tempoh notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuatkuasa terma & syarat yang baru.
- 12.8 Terma & syarat ini termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.
- 12.9 Terma dan syarat yang mengawal akaun pelanggan dengan pihak Bank yang sejajar dengan terma-terma & syarat-syarat ini akan terus digunakan.
- 12.10 Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma & Syarat ini dalam versi bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- 12.11 Apa-apa aduan boleh terus dihubungi seperti yang berikut:-

Tulis kepada	: Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) Customer Service Department, Level 19, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
Tel	: 03 - 2021 5888
E-mel	: <a href="mailto:ask@atlasmuamalat.com.my">ask@atlasmuamalat.com.my</a>
Laman web	: <a href="http://www.atlasmuamalat.com.my">www.atlasmuamalat.com.my</a>